



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000
Faks : +6088-320243 / 320047
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj.Kami : UMS/PEND2.1/500-2/2/5 (7)

Tarikh : 7 Ogos 2017

**SENARAI EDARAN SEPERTI DILAMPIRAN
SEMUA STAF AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA:

- 1. TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA); DAN**
- 2. TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Mempelawa staf akademik yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut di atas, dengan mengemukakan:

- a) *Curriculum Vitae (CV)* penuh yang terkini beserta gambar berukuran pasport; dan
- b) *Key Performance Indicator (KPI)* dan ringkasan perancangan sekiranya berjaya dilantik mengikut portfolio jawatan.

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 Ogos 2017 (Jumaat)**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

MOHD. ZAIDIE BIN ADILAI

Timbalan Pendaftar
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
b.p Pendaftar

s.k Pendaftar

Rujukan : UKM(S)PDF/111/3/16

Tarikh: 23 Syawal 1438H
17 Julai 2017

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 1

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

IKLAN BAGI JAWATAN:

- i. **TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL-EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA); DAN**
- ii. **TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL-EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI),**
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA



Dengan segala hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa staf akademik yang berminat dan berkecenderungan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa) dan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni), Universiti Kebangsaan Malaysia dengan mengemukakan maklumat berikut:

- i. *Curriculum Vitae* (CV) penuh yang terkini beserta gambar berukuran *passport*; dan
- ii. *Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan perancangan sekiranya berjaya dilantik mengikut portfolio jawatan.


Proses pencalonan adalah dilakukan secara terbuka seperti berikut:

- i. pencalonan oleh pihak pengurusan Universiti;
- ii. pencalonan oleh pihak Fakulti dengan menamakan ahli Fakulti atau ahli Fakulti lain setelah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Fakulti; dan
- iii. pencalonan individu, di mana calon-calon yang merasakan mereka layak dan ingin menyumbang kepada Universiti boleh menawarkan diri.

Bersama-sama ini dilampirkan hebahan iklan bagi jawatan di atas. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:

**Pengarah Eksekutif Pentadbiran
Aras 5, Bangunan Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN**

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila berhubung dengan **Dr. Hjh. Ina Md. Yasin**, Timbalan Pengarah, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Kebangsaan Malaysia di talian 03-8921 5150 atau emel: tpbsm@ukm.edu.my. Tarikh tutup permohonan adalah pada 11 Ogos 2017 (Jumaat).




MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 4888 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>



Segala perhatian dan tindakan yang sewajarnya daripada pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Datuk/Dato'/tuan/puan dalam memanjangkan hebahan iklan jawatan ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'OPTIMUMKAN SUMBER, MAKSIMUMKAN PRODUKTIVITI'

Salam hormat,



ABD RAZAK HUSSIN
Pengarah Eksekutif Pentadbiran

s.k > YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali
Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia

Berlampiran



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 3360 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

SENARAI EDARAN

YBHG. TAN SRI PROF. DR. MOHD AMIN BIN JALALUDIN

Naib Canselor
Universiti Malaya
Lembah Pantai
50603 KUALA LUMPUR

YBHG. PROF. DATUK DR. ASMA BINTI ISMAIL

Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
PULAU PINANG

YBHG. PROF. DATIN PADUKA DR. AINI BINTI IDERIS

Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR

YBHG. PROF. DATUK IR. DR. WAHID BIN OMAR

Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai
JOHOR

YBHG. EMERITUS PROF. DATO' DR. HASSAN BIN SAID

Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR

YBHG. PROF. DATO' SRI DR. ZALEHA BINTI KAMARUDIN

Rektor
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR

YBHG. PROF. DATO' SERI DR. MOHAMAD MUSTAFA BIN ISHAK

Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
KEDAH

YBHG. PROF. DATO' DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI

Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
94300 Kuching
SARAWAK



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 4888 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>



YBHG. PROF. DATUK DR. MOHD HARUN BIN ABDULLAH
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu
SABAH

YBHG. PROF. DATO' DR. ZAKARIA BIN KASA
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Jalan Slim
35900 Tanjung Malim
PERAK

YBHG. DATO' DR. MUSA BIN AHMAD
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN


YBHG. PROF. DATO' DR. NOR AEINI BINTI HJ. MOKHTAR
Naib Canselor
Universiti Malaysia Terengganu
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU

YBHG. PROF. DR. WAHID BIN RAZZALY
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Beg Berkunci 101
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR

YBHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Beg Berkunci 1200
Ayer Keroh
75450 MELAKA

YBHG. PROF. DATO' DR. DAING MOHD NASIR BIN DAING IBRAHIM
Naib Canselor
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
PAHANG

YBHG. DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID BIN JAMAL
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis
Tingkat 11, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 3360 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

YBHG. PROF. DATO' DR. AHMAD ZUBAIDI BIN A. LATIF

Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin
Aras 2, Bangunan Canselori
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU

YBHG. PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED

Naib Canselor
Kampus Kota
Karung Berkunci 36
Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu
KELANTAN

YBHG. JENERAL TAN SRI DATO' SERI PANGLIMA HJ. ZULKIFLI BIN HJ. ZAINAL ABIDIN

Naib Canselor
Bahagian Pentadbiran
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
57000 Sg. Besi
KUALA LUMPUR

ENCIK YUSOFF BIN MUSA

Pendaftar
Universiti Malaya
Lembah Pantai
50603 KUALA LUMPUR

YBHG. PROF. DATO' DR. ABD AZIZ BIN TAJUDDIN

Pendaftar
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden
PULAU PINANG

YBHG. DATO' WAN AZMAN BIN WAN OMAR

Pendaftar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR

TUAN HAJI WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN

Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Skudai
JOHOR

PUAN AZIDA BINTI AZMI

Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 4888 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

YBHG. DATO' ABDUL RAHIM BIN AHMAD

Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR

YBHG. DATO' MOHAMAD AKHIR BIN HJ. YUSUF

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
KEDAH

TUAN HAJI ABU BAKAR BIN IBRAHIM

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
94300 Kuching
SARAWAK

ENCIK NO'MAN BIN DATUK AHMAD

Pendaftar
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah
Aras 4, Bangunan Pentadbiran
Beg Berkunci 2073
88999 Kota Kinabalu
SABAH

ENCIK MOHD FAIZI BIN OTHMAN

Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Jalan Slim
35900 Tanjung Malim
PERAK

ENCIK MUHAMMAD HAIZUAN BIN ROZALI

Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
NEGERI SEMBILAN

YBHG. PROF. DR. NORA'AINI BINTI HAJI ALI

Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu
Mengabang Telipot
21030 Kuala Terengganu
TERENGGANU



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 3360 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my

ENCIK ABDUL HALIM ABDUL RAHMAN

Pendaftar
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Beg Berkunci 101
86400 Parit Raja, Batu Pahat
JOHOR

YBHG. DATUK HASSAN BIN SIRUN

Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Beg Berkunci 1200
Ayer Keroh
75450 MELAKA

ENCIK ABD HAMID BIN MAJID

Pendaftar
Kompleks Pentadbiran Utama
Universiti Malaysia Pahang
26600 Pekan
PAHANG

ENCIK ZUBER BIN HJ. MOHAMAD

Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis
Tingkat 11, Bangunan KWSP
Jalan Bukit Lagi
01000 Kangar
PERLIS

PROFESOR MADYA NORDIN BIN JUSOH

Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin
Aras 1, Bangunan Canselor
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Terengganu
TERENGGANU

MEJAR (K) PAUZI BIN PAK CHU

Pendaftar
Universiti Malaysia Kelantan
Aras 2, Bangunan BAP
Kampus Bachok
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok
KELANTAN

ENCIK MOHD BAKHARI BIN M. YASIN

Pendaftar
Aras Bawah, Bangunan Canselor
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 KUALA LUMPUR



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-8921 5150 / 4888 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR**

Permohonan adalah dipelawa kepada staf akademik yang berkelayakan dan memenuhi kriteria kecemerlangan untuk mengisi jawatan

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL-EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
GRED UTAMA B (VU6)**

1. TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam perkara berkaitan dengan hal ehwal pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. MAKLUMAT UMUM

- | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|----------------------------|------------|--|-----------------------|---|------------|-------------------------|---|------------|---|---|------------|--------------------------|---|-----------|------------------------|---|-----------|---|---|------------|
| a. | Gred | : | Gred Utama B (VU6) (Terbuka) | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| b. | Jadual Gaji
(Min – Mak) | : | RM8,315.00 hingga RM22,445.00
(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/2016 dan 3/2016) | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| c. | Imbuhan | : | <table border="0"><tr><td>Imbuhan Tetap Keraian</td><td>:</td><td>RM3,050.00</td></tr><tr><td>Imbuhan Tetap Perumahan</td><td>:</td><td>RM1,600.00</td></tr><tr><td>Imbuhan Tetap Jawatan Utama & Gred Khas</td><td>:</td><td>RM1,500.00</td></tr><tr><td>Elaun Telefon Mudah Alih</td><td>:</td><td>RM 300.00</td></tr><tr><td>Bayaran Pembantu Rumah</td><td>:</td><td>RM 500.00</td></tr><tr><td>Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah (setahun)</td><td>:</td><td>RM2,000.00</td></tr></table> | Imbuhan Tetap Keraian | : | RM3,050.00 | Imbuhan Tetap Perumahan | : | RM1,600.00 | Imbuhan Tetap Jawatan Utama & Gred Khas | : | RM1,500.00 | Elaun Telefon Mudah Alih | : | RM 300.00 | Bayaran Pembantu Rumah | : | RM 500.00 | Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah (setahun) | : | RM2,000.00 |
| Imbuhan Tetap Keraian | : | RM3,050.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Imbuhan Tetap Perumahan | : | RM1,600.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Imbuhan Tetap Jawatan Utama & Gred Khas | : | RM1,500.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Elaun Telefon Mudah Alih | : | RM 300.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Bayaran Pembantu Rumah | : | RM 500.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Bayaran Bantuan Menyelenggara Rumah (setahun) | : | RM2,000.00 | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| d. | Kenaikan Gaji Tahunan: | : | 9% | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| e. | Taraf Lantikan | : | Pertukaran Sementara / Peminjaman Perkhidmatan | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| f. | Tempoh Lantikan: | : | Tiga (3) tahun | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| g. | Kelayakan | : | Telah memegang jawatan Profesor (berjawatan tetap atau kontrak) dengan kelayakan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/Fakulti/Jabatan. | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

3. KRITERIA PEMILIHAN

a. KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv. Reputasi

Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi. Sumbangan Kepakaran kepada *niche area* universiti.

b. KRITERIA KHUSUS

i. Berkemampuan Menguruskan Urusan Berkaitan Pembangunan Dan Hal Ehwal Pelajar

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa Kerajaan.

ii. Aktif Dalam Ko-kurikulum Dan Berpengetahuan Dalam Merekabentuk Dan Melaksanakan Ko-kurikulum Berkredit Serta Program Pembangunan Pelajar Secara Holistik

Penyandang mestilah mahir dalam mereka bentuk ko-kurikulum berkredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum berkredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

iii. Penglibatan Dalam Jawatankuasa Yang Berkaitan Hal Ehwal Pelajar

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling / runding cara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

iv. Berpengalaman Dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman

Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

v. Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta Dihormati Dari Kalangan Alumni

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

4. PENCALONAN

a. Pencalonan Universiti

Pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan Timbalan Naib Canselor.

b. Pencalonan Fakulti

Pencalonan oleh pihak Fakulti dengan menamakan ahli Fakulti atau ahli Fakulti lain setelah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti.

c. Pencalonan Individu

Selain pencalonan pihak Universiti, mana-mana calon yang merasakan mereka layak dan ingin menyumbangkan kepada universiti boleh menawarkan diri mereka sebagai calon.

5. CARA MEMOHON

- a. Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan beserta sekeping gambar terkini berukuran *passport* dan *Curriculum Vitae* (CV) mengikut format seperti pada perkara 3 serta mengandungi maklumat berikut:
- latar belakang peribadi;
 - latar belakang pendidikan;
 - pengalaman kerjaya;
 - jawatan-jawatan pentadbiran yang disandang;
 - senarai terkini jumlah penerbitan (terutama jurnal bertaraf ISI dan buku);
 - anugerah dan hadiah yang berprestij yang telah diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
 - sumbangan-sumbangan yang diiktiraf dan bermakna kepada pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara; dan
 - Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni) UKM.
- b. Hanya calon yang layak selepas saringan sahaja akan dijemput untuk temubual.
- c. Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

Dr. Hjh. Ina binti Md. Yasin
Timbalan Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel.: 03 -8921 5150 / 4888 / Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my

- d. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran)**
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN
- e. Tarikh tutup permohonan adalah pada **11 OGOS 2017 (JUMAAT)**.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL-EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Melapor kepada: Naib Canselor

1. TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam menentukan objektif dan hala tuju kegiatan hal ehwal pelajar Universiti dan memberi kepimpinan untuk merealisasikan serta membantu merealisasikan visi, misi dan nilai teras Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. TUGAS

- a. Membantu pelajar dalam usaha mencipta kebolehan, persediaan, dorongan, kesanggupan dan keupayaan untuk memainkan peranan mereka sewajarnya dalam proses pembelajaran melalui perkhidmatan sokongan pelajar yang termasuk:
 - i. Kebajikan pelajar dalam dan luar kampus;
 - ii. Kaunseling yang peka kepada keperluan pendidikan dan aspirasi kerjaya pelajar;
 - iii. Kemudahan perumahan pelajar yang bertaraf antarabangsa;
 - iv. Perkhidmatan kesihatan;
 - v. Aktiviti sukan; dan
 - vi. Aktiviti kesenian.
- b. Memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk mempertingkatkan aktiviti kokurikulum ke arah melahirkan pelajar yang cemerlang dan berkualiti tinggi termasuk menyediakan kemudahan lawatan dan projek pelajar dalam dan luar negara;
- c. Menjadi Pihak Berkuasa Tatatertib pelajar;
- d. Memastikan tahap disiplin pelajar sentiasa berada pada tahap yang baik;
- e. Memastikan keharmonian, kesejahteraan dan perpaduan pelajar sentiasa terpelihara;
- f. Menyedia dan memberikan kemudahan serta perkhidmatan yang perlu kepada pelajar agar dapat melahirkan dan mewujudkan suasana yang kondusif untuk pembelajaran.



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR**

Permohonan adalah dipelawa kepada staf akademik yang berkelayakan dan memenuhi kriteria kecemerlangan untuk mengisi jawatan

**TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL-EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
GRED UTAMA B (VU6)**

1. TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam perkara berkaitan dengan hal ehwal akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. MAKLUMAT UMUM

- a. Gred : Gred Utama B (VU6) (Terbuka)
- b. Jadual Gaji (Min – Mak) : RM8,315.00 hingga RM22,445.00
(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/2016 dan 3/2016)
- c. Imbuhan :
- | | | |
|--|---|------------|
| Imbuhan Tetap Keraian | : | RM3,050.00 |
| Imbuhan Tetap Perumahan | : | RM1,600.00 |
| Imbuhan Tetap Jawatan Utama & Gred Khas | : | RM1,500.00 |
| Elaun Telefon Mudah Alih | : | RM 300.00 |
| Bayaran Pembantu Rumah | : | RM 500.00 |
| Bayaran Bantuan Menyelenggara: Rumah (setahun) | : | RM2,000.00 |
- d. Kenaikan Gaji Tahunan: 9%
- e. Taraf Lantikan : Pertukaraan Sementara / Peminjaman Perkhidmatan
- f. Tempoh Lantikan: Tiga (3) tahun
- g. Kelayakan : Telah memegang jawatan Profesor (berjawatan tetap atau kontrak) dengan kelayakan ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Pusat Pengajian/Fakulti/Jabatan.

3. KRITERIA PEMILIHAN

a. KRITERIA UMUM

Pemilihan Timbalan Naib Canselor secara umumnya mestilah berasaskan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

i. Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

ii. Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

iii. Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

iv. Reputasi

Menjadi '*role model*' kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

v. Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

vi. Sumbangan Kepakaran kepada *niche area* universiti.

b. KRITERIA KHUSUS

i. Mempunyai Ph.D dan Kelayakan Profesional

Ini kerana penyandang bertanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Pemilihan Kenaikan Pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi Ph.D. Bagi universiti yang berfokus seperti kejuruteraan, *Malaysian Technical Universities' Networks* (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC (A&A).

ii. Berpengalaman Dalam Pembentukan Kurikulum (Curriculum Design)

Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam rekabentuk kurikulum universiti.

iii. Pakar Pengajaran dan Pembelajaran

TNC (A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (Teaching & Learning). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

iv. Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasiat, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

v. Pengalaman Sebagai Penyelia Yang Berjaya

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana & Ph.D) dengan jayanya. Ini kerana TNC (A&A) bertanggungjawab dalam menguruskan Jawatankuasa Senat bagi pengajian Siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

vi. Hal Ehwal Antarabangsa

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

4. PENCALONAN

a. Pencalonan Universiti

Pihak Universiti boleh mencalonkan mana-mana calon yang dirasakan sesuai untuk pertimbangan Jawatankuasa Pemilihan Timbalan Naib Canselor.

b. Pencalonan Fakulti

Pencalonan oleh pihak Fakulti dengan menamakan ahli Fakulti atau ahli Fakulti lain setelah dibincangkan dan dipersetujui dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti.

c. Pencalonan Individu

Selain pencalonan pihak Universiti, mana-mana calon yang merasakan mereka layak dan ingin menyumbangkan kepada universiti boleh menawarkan diri mereka sebagai calon.

5. CARA MEMOHON

- a. Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan beserta sekeping gambar terkini berukuran *passport* dan *Curriculum Vitae* (CV) mengikut format seperti pada perkara 3 serta mengandungi maklumat berikut:
- latar belakang peribadi;
 - latar belakang pendidikan;
 - pengalaman kerjaya;
 - jawatan-jawatan pentadbiran yang disandang;
 - senarai terkini jumlah penerbitan (terutama jurnal bertaraf ISI dan buku);
 - anugerah dan hadiah yang berprestij yang telah diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
 - sumbangan-sumbangan yang diiktiraf dan bermakna kepada pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara; dan
 - Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa) UKM.
- b. Hanya calon yang layak selepas saringan sahaja akan dijemput untuk temu bual.
- c. Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:
- Dr. Hjh. Ina binti Md. Yasin**
Timbalan Pengarah
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN
- No. Tel.: 03 -8921 5150 / 4888 / Mel-e: tpbsm@ukm.edu.my
- d. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada:
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran**
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi
SELANGOR DARUL EHSAN
- e. Tarikh tutup permohonan adalah pada 11 OGOS 2017 (JUMAAT).



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**SENARAI TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB
 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL-EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

Melapor kepada: Naib Canselor

1. TANGGUNGJAWAB

Bertanggungjawab membantu Naib Canselor dalam menentukan objektif dan hala tuju kegiatan hal ehwal akademik Universiti dan memberi kepimpinan untuk merealisasikan serta membantu merealisasikan visi, misi dan nilai teras Universiti Kebangsaan Malaysia.

2. TUGAS

- a. Merancang program akademik ke arah melahirkan pelajar yang berkariyer yang dapat memenuhi keperluan profesional dan pasaran kerja;
- b. Mementukan program kurikulum universiti dengan memberi penekanan kepada pendidikan umum dan bersesuaian dengan falsafah pendidikan negara;
- c. Menentukan dasar kemasukan pelajar selaras dengan matlamat universiti;
- d. Mewujudkan suasana pembelajaran yang selesa dan harmoni untuk melahirkan graduan cemerlang;
- e. Menyediakan sumber-sumber pembelajaran yang mencukupi;
- f. Merancang keperluan staf akademik dengan memantau aspek peluang kenaikan pangkat, mobiliti, latihan/pembangunan dan penilaian prestasi staf akademik;
- g. Mempromosi dan meningkatkan kerjasama dua hala di antara universiti yang diwakili dengan universiti luar negara;
- h. Memperkukuhkan jalinan hubungan kerjasama yang sedia ada dengan universiti-universiti luar negara;
- i. Meneroka peluang mendapatkan kepakaran teknikal dan sokongan untuk pembangunan latihan kakitangan akademik;
- j. Mewujudkan peluang yang lebih baik khususnya untuk mobiliti pelajar dengan universiti luar negara;
- k. Berusaha untuk menonjolkan kemudahan dan personaliti yang ada di universiti untuk menjadi rujukan universiti luar negara;

- l. Meningkatkan peluang-peluang untuk memungkinkan tenaga manusia yang berkaliber dalam universiti sebagai pemimpin badan-badan tertentu di peringkat antarabangsa;
- m. Berusaha menjadikan universiti yang diwakili sebagai pusat kecemerlangan yang akan menjadi tarikan kepada calon-calon pelajar dari luar negara untuk meneruskan pengajian mereka;
- n. Membantu melaksanakan strategi pengantarabangsaan dengan membina hubungan baik universiti dengan badan, persatuan, agensi dan institusi pengajian tinggi antarabangsa; dan
- o. Menilai keberkesanan program-program pengantarabangsaan dari semasa ke semasa.